

17 OCT 2003

SABAH BERI PENGHORMATAN KEPADA DR MAHATHIR

KOTA KINABALU, 17 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman memberi penghormatan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas kepimpinan dan kemampuan Perdana Menteri dalam membawa Malaysia mencapai kejayaan sehingga setiap rakyat Malaysia boleh berbangga dengan hasilnya.

Katanya, dasar Dr Mahathir telah membawa kepada pembangunan di semua sektor negara ini.

"Bagi pihak kerajaan dan rakyat negeri Sabah, saya ingin dengan sepenuh ikhlasnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kepimpinan dan sumbangan Dr Mahathir kepada negeri Sabah khasnya dan Malaysia amnya," katanya semasa membentangkan Bajet 2004 negeri di Dewan Undangan Negeri di sini, hari ini.

Dr Mahathir akan bersara pada akhir bulan ini selepas memimpin negara selama 22 tahun.

Musa yang juga Menteri Kewangan negeri berkata, Dr Mahathir sentiasa memberi perhatian kepada Sabah sepanjang kepimpinannya khususnya dalam perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan negara.

Beliau melahirkan sokongan penuh negeri itu kepada pengganti Dr Mahathir, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

-- BERNAMA

JS DC PR